

# Pengaruh Islam Dan Adat Dalam Institusi Raja Di Malaysia

*Bharuddin Che Pa*

*Ph.D. Department of Siasah Syar'Iyyah,  
Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Malaysia  
Email: bharudin@um.edu.my*

---

## Abstrak

Institusi Raja merupakan institusi tertua yang terlibat secara langsung dalam pembentukan kerajaan yang memerintah Tanah Melayu sejak dahulu sehingga sekarang. Kertas kerja ini akan menjelaskan pengaruh Islam dan nilai-nilai adat dalam Institusi Raja di Malaysia. Huraian dimulakan dengan menjelaskan definisi raja yang ada kaitannya dengan pengaruh agama Hindu-Buddha, fahaman animisme dan adat yang telah bertapak begitu lama dalam masyarakat Melayu. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu hanya berjaya menghapus sebahagian sahaja dari budaya Hindu-Buddha, animisme dan amalan adat dalam Institusi Raja. Terdapat banyak amalan lama dalam sistem pemerintahan beraja di Malaysia yang masih belum berubah. Kertas kerja ini akan menganalisis sejauhmanakah pengaruh adat dan amalan agama Islam telah memberi kesan yang positif dan negatif terhadap Institusi Raja sehingga ke hari ini. Apakah amalan-amalan baik yang patut diteruskan dan apakah amalan buruk yang perlu ditinggalkan. Perkara tersebut akan diteliti berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-negeri yang mengamalkan sistem beraja di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa konsep Raja Mutlak atau Raja Berdaulat berasaskan nilai-nilai tradisi yang diamalkan secara meluas di Tanah Melayu pada zaman dahulu sudah tidak diamalkan lagi di Malaysia hari ini. Ianya telah bertukar kepada sistem Raja Berpelembagaan.

**Kata kunci:** Adat, Institusi raja, Tanah Melayu, Malaysia

## Pendahuluan

Institusi Raja-Raja Melayu merupakan institusi tertua yang terlibat secara langsung dalam pembentukan kerajaan yang memerintah Tanah Melayu atau Malaysia. Huraian awal akan cuba meneliti definisi perkataan raja menurut pengertian bahasa dan istilah. Dalam bahasa Melayu istilah 'kerajaan' dipercayai berasal dari perkataan 'raja'. Hubungan istilah ini membuktikan bahawa 'raja' dan 'kerajaan' itu mempunyai hubungkait yang sangat rapat di antara satu sama lain sehingga perkataan 'raja' digunakan sebagai gelaran kepada ketua negara Malaysia dan ketua negeri bagi sembilan buah negeri yang mengamalkan sistem beraja. Seterusnya kertas kerja ini akan menjelaskan tentang pengaruh adat dan budaya setempat dalam institusi raja di Malaysia. Ini termasuklah pengaruh Animisme, adat Hindu, Buddha dan lain-lain. Selepas kedatangan Islam ke Tanah Melayu institusi raja telah dipengaruhi oleh cara hidup dan budaya Islam. Ini menyebabkan fahaman Animisme dan Hindu-Buddha semakin berkurangan. Kertas kerja ini akan cuba menfokuskan sejauhmanakah pengaruh adat dan pelbagai agama tersebut memberi kesan kepada institusi raja-raja Melayu di Malaysia sehingga ke hari ini. Apakah amalan-amalan yang patut ditinggalkan dan apakah amalan-amalan baik yang wajar untuk terus diamalkan. Aspek-aspek tersebut akan diteliti berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri bagi sembilan negeri yang mengamalkan sistem beraja.

## Definisi Raja

Raja berasal dari perkataan *Sanskrit* iaitu '*rajah*'. Dalam bahasa Melayu perkataan raja mempunyai berbagai-bagai makna, di antaranya ia memberi pengertian *sultan* yang memerintah dan mengetuai sesebuah negeri khususnya di Semenanjung Malaysia.<sup>1</sup> Biasanya raja ialah gelaran kepada seseorang yang berkuasa untuk memerintah sesebuah negeri atau negara secara individu (*rules alone*).<sup>2</sup> Dialah yang mengepalai dan memerintah sesuatu kerajaan.<sup>3</sup> Gelaran raja juga diberikan kepada bakal raja seperti istilah raja muda. Permaisuri raja pula diberi berbagai-bagai gelaran seperti raja perempuan atau raja permaisuri. Konsep raja yang berbentuk raja mutlak atau raja *berdaulat* yang diamalkan secara meluas pada zaman dahulu kala adalah suatu sistem yang berasaskan nilai-nilai tradisi. Di kebanyakan negeri sistem

---

<sup>1</sup> Anzagain Sdn. Bhd., *Ensiklopedia Malaysiana*, j. II, (Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd., 1995), 110.

<sup>2</sup> Grolier International, *Grolier Academic Encyclopedia*, j. XII, (USA: Grolier International, 1983), 80.

<sup>3</sup> J.S. Badadu, Prof. Dr., dan Sutan Mohammad Zain, Prof., *Kamus Umum Bahasa Indonesia*, (Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, 1994), h. 1120.

tersebut sudah tidak diamalkan lagi dan ianya telah bertukar kepada sistem raja berpelembagaan.<sup>4</sup> Fungsi utama mereka adalah sebagai simbol kebangsaan, kesatuan dan kebersamaan.<sup>5</sup>

Raja juga digunakan sebagai gelaran rasmi seperti *Raja di Hilir* dan *Raja Bendahara* di negeri Perak.<sup>6</sup> Istilah raja juga digunakan sebagai pendahuluan kepada nama seseorang, contohnya seperti *Raja Ahmad* yang digunakan sebagai gelaran sahaja. Ini menunjukkan bahawa orang itu merupakan keturunan daripada keluarga raja atau bangsawan. Keadaan ini telah berubah di mana ada di kalangan keluarga raja yang tidak menggunakan perkataan raja di awal nama mereka walaupun dari keturunan raja. Selain itu perkataan raja juga digunakan untuk nama-nama benda seperti *burung raja udang*, *pisang raja*, *pinang raja*, *raja sehari*, *kerja raja*, *penyakit raja* dan sebagainya.

### **Institusi Raja Dan Kerajaan**

Institusi raja adalah sangat penting bagi penduduk di Tanah Melayu sejak dahulu lagi. Kewujudan raja dikaitkan dengan wujudnya sesebuah kerajaan dan negeri.<sup>7</sup> Dari segi asal usul istilahnya pun sudah menyakinkan kita. Istilah '*kerajaan*' diambil dari perkataan '*raja*'. Perkataan '*state*' atau '*Government*' dalam bahasa Inggeris diterjemahkan sebagai '*kerajaan*' dan tentu sekali ada kaitannya dengan raja. Ini membayangkan pada pemikiran orang Melayu *kerajaan* dan *raja* sangat rapat hubungannya. Ia juga membayangkan bahawa orang-orang Melayu sejak dahulu lagi ada raja dan mengamalkan sistem pemerintahan *beraja*.<sup>8</sup> Mereka menganggap raja sebagai punca atau kuasa yang menjamin kedamaian, kemakmuran dan kegemilangan masyarakat. Buktinya, Sejarah Melayu menekankan bahawa negara hanya wujud selagi wujudnya seorang raja yang berwibawa.<sup>9</sup> Jadi, kerajaan ialah bentuk pemerintahan yang ketuanya ialah raja.<sup>10</sup> Tanpa seorang raja yang

---

<sup>4</sup> Grolier Incorporated, *The Encyclopedia Americana* (International Edition), (Connecticut: Grolier Incorporated, 1984), 453.

<sup>5</sup> Grolier International, op. cit., vol. XII, 80.

<sup>6</sup> Anzagain Sdn. Bhd., op. cit., j. II, 110.

<sup>7</sup> Lihat Virginia Matheson, *Concepts of State In The Tuhfat al-Nafis*. Dalam Anthony Reid and Lance Castles (eds), *Monograf of The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, No. 6, Pre-Colonial State Systems in Southeast Asia*, (Kuala Lumpur: Perchetakan Mas Sdn. Bhd. 1975), 20.

<sup>8</sup> A.C. Milner, *Islam And Malay Kingship*. Dalam Ahmad Ibrahim, Sharon Siddique dan Yasmin Hussain, *Reading On Islam In Southeast Asia*, (Singapore: Institute Of Southeast Asian Studies, 1985), 25.

<sup>9</sup> C.C. Brown, *Sejarah Melayu of Malay Annals*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976), 185.

<sup>10</sup> J.S. Badadu, Prof. Dr., dan Sutan Mohammad Zain, Prof., op. cit., 1121.

*berdaulat* dipercayai tiadalah negara seterusnya manusia akan hidup dalam keadaan berpecah belah dan amat primitif sekali.

Sistem dan amalan pemerintahan beraja di alam Melayu telahpun wujud semenjak zaman *animisme* dan zaman pengamalan budaya Hindu lagi. Konsep dan amalan institusi perajaan di Tanah Melayu sepanjang zaman tradisional dan zaman moden telah didapati dipengaruhi oleh unsur-unsur dari tiga agama iaitu agama Hindu, Buddha dan Islam.<sup>11</sup>

### **Pengaruh Animisme Dan Adat Dalam Institusi Raja**

Sebelum kedatangan Islam ke Tanah Melayu sebahagian besar masyarakat Melayu tradisional menganut fahaman *animisme*. Fahaman agama *Hindu-Buddha* yang diterima sebelumnya telah diamalkan secara bercampur aduk dengan fahaman *animisme* yang terdapat dalam masyarakat Melayu. Dalam masyarakat Melayu tradisional raja dianggap jelmaan dari dewa dalam tradisi *Hindu-Buddha* yang amat kudus, suci dan luhur. Namun demikian raja disembah secara adat istiadat, amalan dan peraturan masyarakat, bukannya sembah yang bercorak agama tertentu. Dari masa ke semasa istiadat dan peraturan tadi semakin kukuh dan diterima menjadi amalan rasmi dan akhirnya membentuk suatu doktrin politik beraja dalam sesebuah kerajaan. Tokoh yang disembah itu tetap dianggap suci seperti sucinya dewa-dewa. Ketokohan yang bersifat suci, spirituil dan ghaib ini dihubungkan dengan tenaga fizikal dan biologi pihak yang disembah. Unsur ghaib dan suci digabungkan dengan unsur fizikal dan biologi. Tiap-tiap ucapan, gerak-geri, perbuatan dan tindak tanduk tokoh tersebut dilambangkan sebagai ucapan dan tindak tanduk makhluk-makhluk suci. Oleh itu perintahnya mesti dihormati dan harus dipatuhi.<sup>12</sup> Dengan ini beberapa unsur asing telah meresap menjadi landasan politik tempatan. Raja yang memerintah diiktiraf sebagai pemilik bumi dan air, dan menjadi pemerintah bagi seluruh kosmos alam sekelilingnya.<sup>13</sup>

Seseorang tokoh yang memerintah yang digelar raja sentiasa dikaitkan kepada unsur-unsur kudus, luhur dan suci. Unsur kekudusan, keluhuran, kesucian dan unsur yang luar biasa menjadi sesuatu yang penting dalam kepercayaan serta tradisi politik berkerajaan di alam Melayu. Oleh yang demikian wujudlah konsep '*Dewa-Raja*'. Konsep '*Dewa-Raja*' ialah kepercayaan dan salsilah raja-raja yang wujud secara ciptaan tadi (secara lisan atau secara tradisi tulisan) di kaitkan dengan dewa-dewa kayangan, penjelmaan

---

<sup>11</sup> Kobkua Suwannathat ~ Pian, *Asia Tenggara, Hubungan Tradisional Serantau*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 8-17.

<sup>12</sup> Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, op. cit., 156.

<sup>13</sup> A.L. Basham, *The Wonder that was India*, London, 1954; G.Coedes, *The Indianised States of Southeast Asia*, (Honolulu, 1968).

daripada *Shiva*, *Vishnu* atau *Brahma*, *Lelembut Mambang* atau makhluk-makhluk halus yang tidak dapat dipandang mata dari sudut asal-usul dan tradisi keturunan nenek moyang mereka.

Di antara bukti yang menunjukkan bahawa konsep '*Dewa-Raja*' pernah menjadi amalan orang-orang Melayu ialah sebuah prasasti lama yang telah dijumpai di Telaga Batu Sumatera. Prasasti itu menjadi bukti penting tentang wujudnya sistem '*Dewa-Raja*' pada zaman Sri Wijaya di Palembang. Menurut prasasti tersebut, rakyat yang mengaku taat setia kepada raja dikehendaki mengangkat sumpah dengan meminum air yang dituangkan pada sebilah keris. Sesiapa yang mengingkari sumpah taat setia ini dan menentang raja, orang itu akan menjadi gila. Seseorang dipercayai akan menjadi gila akibat melanggar sumpah yang telah dimeterainya dengan raja. Ini adalah suatu usaha orang pribumi membina kepercayaan secara spiritual dalam kegiatan berkerajaan untuk mewujudkan dan memanifestasikan hubungan politik di antara orang yang memerintah yang dipanggil raja dan orang-orang yang diperintah yang digelar rakyat.<sup>14</sup> Fahaman sebegini telah banyak mempengaruhi masyarakat Melayu tradisional, terutamanya sebelum Tanah Melayu dipengaruhi oleh ajaran Islam.

### **Pengaruh Islam Bercampur Adat Dalam Institusi Raja**

Sistem beraja dan konsep kesultanan yang diamalkan di Tanah Melayu ada hubungkaitnya dengan sistem kesultanan Melaka di zaman lampau. Terbentuknya institusi raja yang menerajui kesultanan Melaka di peringkat awal adalah dipelopori oleh Parameswara.<sup>15</sup> Beliau adalah seorang pengeran berketurunan raja besar iaitu keturunan raja-raja Sriwijaya (Sailendra). Beliau dianggap sebagai seorang raja yang sangat cerdas dan berpandangan jauh. Beliau telah membuka negeri Melaka dan menjadi raja Melaka yang pertama. Mengikut sesetengah pendapat, ketika Parameswara mula sampai ke Melaka, di sana sudah ramai penganut Islam. Suasana ini menyebabkan semakin lama beliau semakin tertarik dengan ajaran agama Islam dan akhirnya beliau telah menganut agama tersebut dengan memakai nama Iskandar Syah.<sup>16</sup> Seterusnya Melaka mendapat bantuan dari para 'ulama' dan cendekiawan Islam dari Pasai,

---

<sup>14</sup> Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, op. cit., 141.

<sup>15</sup> Paul Wheatley menganggap Parameswara, iaitu tokoh kerabat dari Palembang yang telah pun ditundukkan oleh Majapahit sebagai pembelot terhadap kedaulatan kuasa pusat di Jawa. Percubaan Parameswara yang berani ini telah gagal. Beliau meninggalkan Palembang, dan pergi ke Singapura, dan sekali lagi menjadi pembelot apabila beliau membunuh pemerintah Singapura pula. Lihat Paul Wheatley, *Impressions of The Malay Peninsular in Ancient Times*, (Singapore: Eastern University Press, 1964), 28.

<sup>16</sup> Zubir Usman, Drs., *Melaka: Pusat Perkembangan Islam di Tenggara Asia*. Dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Melaka dan sejarahnya*, (Melaka: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka, 1982), 17.

terutama dari keluarga Sriwijaya sendiri yang melarikan diri dari Palembang, terutama ketika kota itu telah diduduki Majapahit. Oleh itu unsur Islam dan unsur-unsur Sriwijaya telah berkembang serentak dalam institusi raja di Melaka.

Bila raja telah memilih Islam, selanjutnya sebahagian besar rakyat Melaka menjadi Islam.<sup>17</sup> Mulai saat itulah Melaka telah menjadi sebuah negeri Islam. Kedudukan politiknya menjadi semakin kuat dengan adanya hubungan antara istana Melaka dengan istana Pasai dari segi keIslamannya. Seterusnya Melaka berkembang menjadi sebuah penempatan yang "berkerajaan". Landasan berkerajaan di sini ialah apabila hadirnya seorang raja yang berkuasa serta mempunyai kesan dan pengaruh dalam melaksanakan kuasanya. Bersama-sama raja terdapat para pembesar dari berbagai-bagai peringkat pegawai yang menyokong kedaulatan raja yang memerintah.<sup>18</sup>

Raja-raja Melayu zaman dahulu mengambil peranan yang aktif melakukan proses Islamisasi dengan cara mencadangkan supaya segala masalah hendaklah diselesaikan berasaskan pertimbangan agama. Kesungguhan raja-raja memperkenalkan Islam telah dicatatkan oleh para sejarawan tempatan dan juga orang Eropah. Menurut seorang penulis portugis Tome Pires, Sultan Mohammad Syah telah memimpin semua orang-orang Melaka "diperingkat atasan dan peringkat bawahan" supaya memeluk agama Islam.<sup>19</sup> Sultan-sultan Melaka yang seterusnya hanya meneruskan apa yang telah dilakukan oleh Sultan Mohammad.

Sebelum tertubuhnya kerajaan Melaka pengaruh Islam telahpun tersebar meluas di jalan-jalan perdagangan di Lautan Hindi selama beberapa tahun.<sup>20</sup> Keadaan ini berterusan sehingga akhir kurun ke 14 dan kurun ke 15 di mana pedagang-pedagang India Muslim dan pendakwah-pendakwah Islam telah berjaya menyebarkan agama mereka kepada penduduk Melaka. Kumpulan Islam ini telah menyokong penerusan sistem beraja di negeri Melaka. Tambahan pula raja Melaka pada masa itu juga adalah dari keturunan India Muslim iaitu Raja Kassim (Sultan Mudzaffar Syah) 1446-1459M. Baginda telah menerima pengajaran Islam untuk memerintah negeri. Oleh itu

---

<sup>17</sup> S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia*, (Singapore: Malaya Publishing House Ltd, 1963), 86.

<sup>18</sup> Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, op.cit., 147.

<sup>19</sup> A. Cortesao (ed.), *The Suma Oriental of Tome Pires*, (London, 1944), 242.

<sup>20</sup> M.A.P. Meilink-Roelofs, *Trade And Islam In The Malay-Indonesian Archipelago*. Dalam D.S. Richards (ed.), *Islam And The Trade of Asia*, (Oxford, 1970), 145.

Islam yang menjadi anutan para pedagang telah bertukar menjadi panduan kepada raja dan mahkamah<sup>21</sup> khususnya di negeri Melaka.

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah merentasi budaya *Hindu-Buddha* dan *animisme* yang dianuti selama ini. Oleh itu telah berlaku campur aduk di antara kebudayaan Islam dengan kebudayaan asal penduduk Tanah Melayu. Dengan kedatangan Islam amalan lama dalam sistem pemerintahan beraja kerajaan Melayu tidaklah berubah serta merta. Struktur adat istiadat negeri Melayu, kedudukan pangkat dan upacara tradisi terus berjalan.

Perubahan sejarah yang berlaku dari zaman orang-orang Melayu yang dipengaruhi oleh *Hindu-Buddha* kepada zaman Melayu-Islam merupakan faktor utama berlakunya berbagai-bagai perubahan dalam institusi perajaan dan kesultanan di Tanah Melayu. Walaupun kedatangan Islam telah mengubah nilai-nilai hidup masyarakat Melayu, sebahagian besar nilai-nilai tradisional masih terus menguasai pemikiran dan corak kehidupan mereka.<sup>22</sup> Konsep politik berhubung dengan *Dewa-Raja* yang telah tertanam dengan kuat dalam kepercayaan dan mental tradisi tidak mudah untuk dikikis dengan cepat. Malah di atas landasan kepercayaan kerohanian yang diwarisi turun temurun itu berterusan di zaman Islam. Cuma ianya disesuaikan dengan doktrin kepimpinan dalam Islam. Raja Islam yang memerintah tidak lagi dikaitkan hubungan *batiniahnya* dengan para dewa tetapi dihubungkan pula dengan Allah dan Rasulullah serta kekudusan tokoh para *awliya'* dan *anbiya'*. Oleh itu lahirlah pula berbagai-bagai konsep dan istilah baru yang datang dari ajaran Islam dan dikaitkan pula dengan konsep perajaan di Alam Melayu. Buktinya dengan kedatangan agama Islam, status raja-raja Melayu diturunkan dan kini hanya menjadi bayangan Tuhan didunia.

Raja dianggap sebagai ganti atau wakil tuhan di dunia ini. Dalam ungkapan bahasa Arab ia disebut dengan berbagai-bagai istilah seperti *zallulLah fi al-'alam*, *zallulLah fi al-ard* dan *khalifah al-mu'minin*. *Risalat Hukum Kanun Melaka*<sup>23</sup> memberi gelaran *khalifah al-mu'minin zallulLah fi al-'alam* kepada raja-raja yang memerintah negeri Melaka. Selain itu terdapat juga undang-undang Melaka versi lain yang menyokong fakta-fakta di atas. Contohnya dalam *Risalat Hoekoem Kanoen Jaitoe Oendang-oendang*

---

<sup>21</sup> C.H. Wake, *Malacca's Early Kings And The Reception of Islam*, *Journal of South-East Asian History*, (1964), 5. Lihat juga, R.J. Wilkinson, *The Malay Sultanate*. Dalam *Wilkinson's Papers On Malays Subjects*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971).

<sup>22</sup> Lihat Dr. Syed Nuguid al-Attas, *Preliminary Statement on General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesians Archipelago*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969). Lihat juga, Syed Muhammad Naguib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*, (Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972).

<sup>23</sup> Microfiche 15 (LUB D393/1 K1.45), *Risalat Hukum Kanun Melaka*, (Kuala Lumpur: Perpustakaan Utama Universiti Malaya). Risalat ini ditulis dengan menggunakan tulisan jawi.

*Melaka*<sup>24</sup> yang diedit oleh PH. S. Van Ronkel ada tertulis satu gelaran khas kepada raja iaitu *Khalifah al-Mu'minin ZallulLah fi al-'alam*. Catatannya adalah seperti berikut:

“...dan turun kepada Putera baginda Sultan Mahmud Syah *Khalifah al-Mu'minin ZallulLah fi al-'alam*. Ialah yang mempunyai adat hukum dan perintah.”<sup>25</sup>

Manakala *Undang-Undang Melaka (The Laws of Melaka)*<sup>26</sup> yang diedit oleh Liaw Yock Fang juga menggelarkan raja sebagai *zallulLah fi al-'alam*. Undang-undang itu menegaskan:

“...Sultan Iskandar Syah. Ialah raja yang pertama menyusuk negeri Melaka. Ialah yang bergelar Sultan Mahmud Syah *ZallulLah fi al-'alam*. Ialah raja yang pertama masuk agama Islam.”<sup>27</sup>

Milner juga berpendapat bahawa Sultan yang beragama Islam itu telah menjelaskan kepada pengikut-pengikutnya bahawa beliau adalah wakil Tuhan di muka bumi ini (*zallulLah fi al-'alam*). Milner berpendapat pengakuan ini seakan-akan sama dengan pengakuan raja Sriwijaya yang menjanjikan kedamaian abadi (*eternal peace*).<sup>28</sup>

Bukti lain yang menunjukkan raja-raja Melayu Melaka dihubungkan dengan Allah dan Rasulullah ialah wasiat Bendahara Tun Perak yang telah tertulis di dalam buku *Sejarah Melayu*:

"...dan jangan kamu sekalian lupa pada berbuat kebaktian kepada raja kamu. Maka kata hukama, adalah raja yang adil itu dengan Nabi s. 'a.w. umpama dua buah permata pada sebetuk cincin; lagipun raja itu umpama ganti Allah di dalam dunia, kerana ia *zallulLah fi al-'alam*. Apabila berbuat kebaktian kepada raja, seperti berbuat kebaktian kepada Allah *subhanah wa Ta'ala*. Yakni berbuat kebaikan kamu akan Allah dan Rasulnya... hendaklah jangan kamu lupai, supaya kebesaran dunia akhirat kamu perolehi".<sup>29</sup>

---

<sup>24</sup> PH. S. Van Ronkel (ed.), *Risalat Hoekoem Kanoen Jaitoe Oendang-oendang Melaka*, (Leiden: Boekhandel En Drukkerij Voorheen E. J. Brill, 1919).

<sup>25</sup> Abu Hassan bin Mohd. Sham, *Undang-undang Melayu Lama*, op. cit., 147.

<sup>26</sup> Liaw Yock Fang, *Undang-undang Melaka (The Laws Of Melaka)*, (Netherlands: The Hague - Martinus Nijhoff, 1976).

<sup>27</sup> Lihat Liaw Yock Fang, *Undang-undang Melaka (The Laws Of Melaka)*, op. cit., 64.

<sup>28</sup> A.C. Milner, op. cit., 26.

<sup>29</sup> W.G Shellabear (ed.), *Sejarah Melayu (Edisi Jawi)*, (Singapura: Malay Publishing, House Limited, 1896), 224.



Selain dari gelaran *zallulLah fi al-'alam* terdapat beberapa gelaran lain lagi yang digunakan oleh raja-raja Islam pada zaman dahulu. Misalnya terdapat beberapa gelaran yang tertulis pada beberapa keping wang syiling yang telah digunakan pada kurun ke 15 di Melaka. Di antara gelaran yang digunakan untuk raja pada kepingan wang tersebut ialah 'Sultan', 'Syah' dan "*Nasr al-dunya wa al-din*" (penolong dunia serta penolong agama).<sup>30</sup> Di Kedah, Trengganu dan Johor wang syilingnya menamakan raja sebagai 'khalifah' di mana gelaran tersebut juga dijumpai di dalam *Hukum Kanun Pahang*.<sup>31</sup> Istilah "*al-mutawakkil*" juga pernah digunakan sebagai gelaran kepada raja Islam yang memerintah Buktinya ialah sekeping dinar emas yang dijumpai di Kelantan dalam tahun 1914, yang bertulis di salah satu mukanya dengan perkataan "*al-julus kelantan*" dan di muka yang kedua bertulis dengan perkataan "*al-mutawakkil*".<sup>32</sup> *Al-Julus* dari segi bahasa ertinya ialah duduk dan dari segi istilah ialah menduduki singgahsana. *Al-Mutawakkil* pula ialah gelaran rajanya, yang bermaksud orang yang bertawakkal, iaitu bertawakkal kepada Allah. Analisis sejarah menjelaskan bahawa *Al-Mutawakkil* adalah gelaran kepada seorang raja yang pernah memerintah kerajaan Islam di Kelantan dalam abad yang keduabelas. Beberapa istilah di atas membuktikan bahawa telah berlaku proses perubahan terhadap konsep perajaan yang dipengaruhi oleh nilai-nilai tradisional dan fahaman *Hindu-Buddha* kepada pengaruh Islam.

Majoriti rakyat yang beragama Islam masih menganggap raja mereka adalah seorang manusia sempurna dan mempunyai ciri-ciri luar biasa. Ada beberapa maklumat yang menjelaskan perkara tersebut. Misalnya, Hikayat Raja-raja Pasai ada menjelaskan tentang kisah seorang raja Pasai pada kurun ke 14, iaitu salah sebuah negeri Melayu yang mula-mula menerima Islam. Raja tersebut ialah Sultan Ahmad telah mendapat kuasa ganjil (ghaib) setelah baginda memeluk agama Islam. Apabila seorang ahli sihir (*jogi*) berbangsa India (Hindu) mahir tentang ilmu ghaib datang mengadap sultan untuk menunjukkan kebolehan luar biasanya, *jogi* tersebut telah pengsan disebabkan sifat keramat<sup>33</sup> yang ada pada sultan dan dia terus jatuh ke bumi. Hikayat tersebut menyebut:

*"Maka jogi itu pun jatuh ka-tanah lalu ia pengsan  
sebab daripada keramat Sultan itu. Maka Sultan pun*

---

<sup>30</sup> W.W. Shaw dan Mohd. Kassim Haji Ali, *Malacca Coins*, (Kuala Lumpur, 1970), 2-4.

<sup>31</sup> W.W. Shaw dan Mohd. Kassim Haji Ali, *Coin of North Malaya*, (Kuala Lumpur, 1971), h. 12.

<sup>32</sup> Sa'ad Shukri Haji Muda, *Detik-detik Sejarah Kelantan*, (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1971), 28.

<sup>33</sup> Keramat ialah istilah yang berasal dari bahasa Arab *karama yakrumu karamatan*, yang bermaksud suatu pemberian yang luar biasa kepada seseorang Islam yang baik.

*hairanlah melihat dia, karna daripada sangat ia tahu bermain-main sihirnya, maka kemudian dari itu jogi itu pun lalu masuk ia igama Islam”.*<sup>34</sup>

Sesuatu yang berlaku kepada raja itu menandakan beliau telah terkeluar dari fenomena yang biasa yang ada pada dirinya.<sup>35</sup> Pertandingan menunjukkan keajaiban seperti mana yang berlaku di antara raja Pasai dan jogi itu adalah perkara biasa di kalangan ahli sufi.<sup>36</sup> Keajaiban itu telah menggambarkan kepada masyarakat bahawa raja itu adalah manusia yang sempurna dan mempunyai ciri-ciri yang luar biasa.

Tanggapan bahawa raja-raja Melayu adalah manusia yang sempurna dan mempunyai ciri-ciri yang luar biasa digambarkan juga dalam buku Sejarah Melayu. Buku tersebut telah menggambarkan bahawa Sultan Ahmad adalah seorang raja yang kebal, mampu menghadapi tembakan peluru meriam daripada orang-orang Portugis yang menyerang Melaka pada masa itu (1511). Sultan Ahmad diberitakan sedang menunggang gajah, diiringi oleh penasihat kerohanian dan guru ilmu Tauhid yang bernama Makhdum Sadar Johan. Sejarah Melayu menjelaskan:

*"Maka Sultan Ahmad ditempuh baginda dengan gajah, dan segala hulubalang Feringgi pun pecah berhamburan, lalu ke air. Maka sekaliannya pun undurlah turun ke perahunya. Maka dibedilnya dari kapal dengan meriam yang besar-besar seperti halilintar bunyinya. Maka baginda terdiri di atas gajah baginda di ujung jambatan: khabar pun baginda tiada akan bedil yang seperti hujan itu. Maka Makhdum berpegang kedua-dua tangannya pada kiri kanan rangka gajah. Maka kata Makhdum, 'Hai Sultan, disini bukannya tempat tauhid; mari kita kembali'."*<sup>37</sup>

Peristiwa ini telah menjadi suatu bukti bahawa Sultan adalah seorang manusia yang hebat. Ungkapan " *khabar pun baginda tiada akan bedil yang seperti hujan itu*" menunjukkan bahawa hujan tembakan peluru dari orang-

---

<sup>34</sup> A.H. Hill (ed.), "*Hikayat Raja-raja Pasai*". A revised romanised version of Raffles MS 67, together with an English translation. Dalam *Journal of The Malayan Branch of The Royal Asiatic Society* (selepas ini disebut *JMBRAS*), vol. XXXIII, (Singapore: Malaya Publishing House Limited, 1960) 74.

<sup>35</sup> R.A. Nicholson, *Studies In Islamic Mysticism*, (Cambridge, 1921), 78.

<sup>36</sup> A. Schimmel, *Mystical Dimensions of Islam*, (Chapel Hill, 1975), 211.

<sup>37</sup> W.G. Shellabear (ed.), op. cit., 317.

orang Portugis tidak dapat membunuh Sultan.<sup>38</sup> Kekuatan sultan yang sempurna dan luar biasa itu dikaitkan dengan ilmu tauhid dan kehebatan Makhdum Sadar Jahan dan kemampuan kewaliannya itu boleh menahan beliau dari "*hujan tembakan peluru*".<sup>39</sup>

Dalam sistem politik Melayu Islam raja juga adalah sumber dan pusat kuasa. Raja adalah penyusun adat istiadat, pemilik kerajaan dan berdiri teguh mempertahankan imej negara Islam dalam sebuah masyarakat yang bahagia serta mengamalkan undang-undang syariah Islam. Kuasa raja adalah restu daripada *daulat* yang dimiliki oleh raja tersebut. Kuasanya disalurkan bagi menggerakkan jentera serta tenaga-tenaga pemerintahan dan pentadbiran. Contohnya di zaman kerajaan Melaka, pribadi dan tubuh raja itulah yang *didaulati*. Kerajaan Melaka itu sendiri terbentuk hanya selepas adanya raja yang memerintah. Kedudukan raja sungguh tinggi dan istimewa dalam sistem kerajaannya. Titah perintahnya adalah undang-undang, gerak-gerinya boleh jadi arahan untuk bertindak, malah perbuatan dan tabiatnya tidak boleh ditegur. Sekiranya ada undang-undang yang diamalkan dalam kerajaannya, raja boleh mengatasi undang-undang tersebut. Raja yang memerintah itu sendiri sebenarnya undang-undang. Oleh itu raja dan kerajaan adalah sinonim, sebab dari segi ideal raja dipercayai seperti pohon yang rimbun, tempat rakyat tumpang berteduh. Anggapan rakyat terhadap raja yang sedang berkerajaan begitu tinggi. Sehingga Sejarah Melayu menegaskan:

*"...rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon, jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri, demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya."*<sup>40</sup>

### **Kedaulatan Raja-Raja Melayu Dan Kesetiaan Rakyat**

Walau pun sistem perajaan di Tanah Melayu telah diresapi oleh berbagai-bagai pengaruh, seperti pengaruh *Hindu-Buddha*, *animisme*, Islam, pengaruh adat dan lain-lain, raja-raja tersebut tetap juga diberikan kesetiaan oleh rakyat dan dianggap *berdaulat*. Konsep setia telah menjadi satu asas yang penting dalam kehidupan masyarakat Melayu terutamanya di kalangan mereka yang berdekatan dengan istana. Maksud kesetiaan di sini pada dasarnya ialah ketaatan kepada segala kehendak raja. Kesetiaan yang ditunjukkan oleh pembesar-pembesar terhadap raja-raja mereka kadang-kadang melulu dan

---

<sup>38</sup> Lihat juga *Sejarah Melayu/The Malay Annals, MS. Raffles No. 18*, disusun oleh Cheah Boon Kheng, terjemahan oleh Abdul Rahman Haji Ismail, (The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, t.tp., 1998), 267.

<sup>39</sup> A.C. Milner, op. cit., 30.

<sup>40</sup> W.G. Shellabear (ed.), op. cit., 202.

kadang kala ada batasan dan sempadannya. Konsep setia ini juga mendapat tempat di kalangan masyarakat umum. Mereka patuh kepada kehendak raja dan pembesar.<sup>41</sup>

Dari konsep setia dan taat kepada raja itu maka timbullah pula konsep ‘*daulat*’. Setiap raja yang memerintah Tanah Melayu dianggap sebagai raja yang ber*daulat*. Perkataan ‘*daulat*’ adalah berasal dari istilah arab iaitu ‘*dawlatun*’. Perkataan *dawlatun* berasal dari perkataan *dala*, *yadlu*, *dawlatun*. Secara bahasanya ia memberi pengertian pemerintahan dan kerajaan. Ia juga digunakan untuk maksud keturunan raja-raja.<sup>42</sup> Pengertiannya dikaitkan dengan kuasa, kerajaan, empayar, dinasti, pemerintahan, negara, negeri dan lain-lain. Dalam konteks sesebuah kerajaan ia menjadi intipati kepada hak individu atau kelompok menggunakan kuasa dan wibawa untuk memerintah sesebuah kerajaan, negara atau negeri. Apabila dihubung dengan politik pemerintahan, *daulat* menjadi unsur pengiktiraf baik secara lisan, kepercayaan, ataupun tulisan (piagam atau perlembagaan) bagi individu atau kelompok untuk melaksana atau menegaskan kuasa atau wibawa ke atas anggota masyarakat yang mendiami atau menduduki sesebuah negeri atau negara.<sup>43</sup> Dalam sistem politik berkerajaan yang menjadi lambang *kedaulatan* ialah seseorang raja yang memerintah kerajaan tersebut.<sup>44</sup>

Untuk meneguhkan lagi kedudukan raja di sisi rakyatnya, raja diberikan sifat luarbiasa iaitu sifat *charisma*. Sifat istimewa yang di khususkan untuk raja-raja sahaja ialah sifat ber*daulat*. Dengan adanya sifat ini membezakan antara raja dengan rakyatnya. Rakyat tidak boleh mempermainkan rajanya kerana takutkan kuasa *daulat* ini. Sebenarnya kuasa *daulat* ini wujud hanya selepas seseorang raja itu menaiki takhta kerajaan.<sup>45</sup> *Daulat* juga dianggap sebagai tuah kepada seseorang raja. Buku Adat Raja-Raja Melayu menjelaskan:

“Maka adalah raja itu telah dikurniai Allah Ta’ala  
dilebihkan daulatnya yakni tuahnya,...jika duduk  
tuah itu kepada raja kerajaan maka dinamai akan

---

<sup>41</sup>Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, *Islam, Kepimpinan dan nilai-nilai hidup dalam masyarakat Melayu Tradisional*. Dalam Khoo Kay Kim dan lain-lain (ed.), *Tamadun Islam Di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia), 89.

<sup>42</sup> Al-Marbawi, Muhammad Idris ‘Abd al-Rauf, *Qamus Idris al-Marbawi*, cet. ke 4, (Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi Wa Awladuh, t.t.), 212.

<sup>43</sup> Mohammad Yusoff Hashim, *Daulat Dalam Tradisi Budaya dan Politik Kesultanan Melayu Abad ke 15 dan Awal Abad ke 16: Antara Mitos dan Realiti*. Dalam *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*, No. 3/1994-1995, (Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, 1995), 215.

<sup>44</sup> Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, op. cit., 140-141.

<sup>45</sup> J.M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970), 72.

*dia berdaulat. Maka taktakala itu segala manusia pun kasih sayang dan takut akan dia.*"<sup>46</sup>

Petikan di atas menjelaskan bahawa teras kepada *daulat* ialah tuah. Bila adanya *daulat* kepada raja semua rakyat akan kasih dan gerun kepada raja tersebut. Apabila seseorang telah ditabalkan secara rasmi menjadi raja, beliau dianggap mempunyai status yang tinggi iaitu *berdaulat*. Gelaran yang biasa dipakai untuk raja *berdaulat* yang memerintah ialah Sultan. Sultan dianugerahkan suatu status yang suci melalui upacara pertabalannya. Raja tersebut merupakan sumber kuasa, dan segala kebajikan yang dilakukan di dalam negeri adalah hasil tindak balasnya. Beliau seorang sahaja yang berkuasa mengeluarkan perintah. Rakyat juga mempercayai bahawa darah putih mengalir dalam diri raja itu.<sup>47</sup> Kesetiaan rakyat kepada Raja telah melahirkan dua istilah yang terkenal di kalangan orang-orang Melayu iaitu 'derhaka' dan 'tulah'. Maksudnya adalah sebagaimana berikut:

### **i. Derhaka**

Derhaka ialah kalimah yang digunakan terhadap orang yang engkar kepada titah perintah raja. Dalam Sejarah Melayu perkataan "*derhaka*" sering diucapkan apabila timbul kecenderungan untuk menentang raja. Dalam sejarah kesultanan Melaka pihak yang gigih mempertahankan tradisi ini dan menentang penderhakaan selalunya ialah pembesar-pembesar Melaka sendiri, khususnya Bendahara. Pada hakikatnya, kepercayaan adanya *daulat* dan takutkan derhaka itulah yang menjadi teras kuasa dan hak mutlak raja sebagai pemerintah yang ada hubungannya dengan anggota masyarakat lain yang diperintah.<sup>48</sup>

Terdapat pepatah Melayu yang berbunyi "*pantang anak Melayu menderhaka kepada rajanya*". Ini terbukti melalui kata-kata yang diungkapkan oleh Bendahara Tun Perak dan Laksamana Melaka kepada Raja Tua dizaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah sebagaimana katanya: "*Sekali-kali tiada anak Melayu bernama durhaka...*"<sup>49</sup>. Derhaka boleh terjadi dalam beberapa bentuk. Undang-undang Melaka menyebut bahawa antara perbuatan menderhaka ialah membunuh orang yang membawa titah raja,<sup>50</sup> menyangkal

---

<sup>46</sup> PH. S. Van Ronkel (ed.), *Adat Radja Radja Melajoe*, (Leiden: N.V. Boekhandel En Drukkerij Voorheen E. J. Brill, 1929), 80.

<sup>47</sup> Lihat R.O. Winsted, *Kingship And Enthronement In Malaya*, *JMBRAS*, vol. XX, part I, (Singapore: Malay Publishing House Limited, 1947) 45-56.

<sup>48</sup> Lihat Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, op. cit., 280.

<sup>49</sup> W.G Shellabear (ed.), op. cit., 221.

<sup>50</sup> Liaw Yock Fang, *Undang-undang Melaka (The Laws Of Melaka)*, (Netherlands: The Hague - Martinus Nijhoff, 1976), 70.

titah raja,<sup>51</sup> bermaharajalela dan cuba menentang perbuatan raja. Kenyataan ini menggambarkan sifat orang-orang Melayu yang tidak menderhaka kepada rajanya. Menafikan titah raja dan enggan mengakui kedaulatannya akan dianggap menderhaka. Diri peribadi sultan itu adalah dianggap suci dan dilarang rakyat jelata menyentuhnya. Darah putih dikatakan mengalir dalam tubuh raja itu. Ini adalah sebenarnya lebih merupakan metos daripada kenyataan. Ianya merupakan satu rekaan yang dibuat untuk melahirkan unsur kemuliaan raja.<sup>52</sup>

## ii. Tulah

Derhaka dihubungkan pula dengan kepercayaan *tulah*.<sup>53</sup> Orang yang derhaka dipercayai akan ditimpa *tulah* raja. Di zaman Sriwijaya, *daulat* raja-raja dikatakan terletak pada keistimewaan air sumpah, yang perlu diminum pembesar dan pemerintah di bawah takluknya. Sesiapa yang derhaka atau engkar kepada raja kemudiannya akan terkena *tulah*.<sup>54</sup> Hikayat Malim Dagang mencatatkan bahawa *tulah* mengambil bentuk tertimpa bisa kawi. Si penderhaka dipercayai akan ditimpa *tulah* raja (mungkin dalam bentuk sumpahan). Misalnya, Sejarah Melayu ada menyebut bahawa Sang Rajuna Tapa, iaitu Penghulu Bendahari kepada Raja Iskandar di Singapura dan isterinya dilaporkan menjadi batu akibat terkena *tulah* kerana membenarkan orang Majapahit masuk dan menyerang Singapura.<sup>55</sup>

Biasanya masyarakat tradisional mempercayai penderhaka akan ditimpa mudarat dalam dua bentuk iaitu, mudarat dalam bentuk hukuman fizikal oleh pihak berkuasa atau akan ditimpa '*tulah*' (*daulat* raja). Mudarat yang muncul dalam bentuk balasan fizikal daripada pihak kerajaan sendiri, iaitu pihak yang didapati menderhaka akan dibelasah dalam berbagai-bagai bentuk, bukan sahaja si penderhaka tadi yang dibelasah, malah keluarga dan suku-sakatnya turut dibelasah agar tidak meninggalkan zuriatnya. Si penderhaka biasanya dibunuh dengan cara disula dan seluruh keluarga si

---

<sup>51</sup> Ibid., 68-69.

<sup>52</sup> J.M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, op. cit., 73.

<sup>53</sup> Dari segi bahasa *tulah* bererti kemalangan, fizikal mahupun rohaniah atau mental yang menimpa seseorang akibat dipercayai kesalahannya kepada orang-orang tua, raja atau tempat-tempat keramat. Kedua-dua Sejarah Melayu Versi tahun 1612 dan tahun 1536 menerangkan tentang suatu peristiwa apabila Maharaja China dihinggapi penyakit kedal seluruh tubuhnya, lantaran baginda menerima sembah Sultan Mansur Syah dari Melaka. Cuma apabila tabib menyuruh supaya Maharaja China itu meminum dan mandi air basuh kaki Sultan Mansur Syah, barulah penyakit tadi sembuh. Raja China disebut tertimpa *tulah* raja Melaka.

<sup>54</sup> Hashim Ismail, *Bustan Al-Salatin: Persoalan Kedaulatan Raja*. Dalam *Seminar Warisan Persuratan Johor II 1997*, (Johor Bahru: Kerajaan Negeri Johor, 1997), 4.

<sup>55</sup> Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, op. cit., 279.

penderhaka juga turut dibunuh. Sekiranya tidak dibunuh lambat laun ianya dipercayai akan ditimpa *tulah* raja dan merana sepanjang hayat.<sup>56</sup>

### **Pengaruh Adat Dalam Institusi Raja-raja Melayu Kini**

Huraian sebelum ini menjelaskan institusi raja-raja Melayu zaman terdahulu telah terpengaruh dengan amalan *Hindu-Buddha*, *animisme*, budaya setempat dan lain-lain. Raja-raja tersebut akhirnya memeluk agama Islam, tetapi mereka masih meneruskan adat istiadat dan upacara tradisi lama. Sebab itu penulis mengklasifikasikan semua pengaruh dari pelbagai agama itu sebagai pengaruh adat. Bagi meneliti pengaruh adat dan pelbagai agama dalam institusi Raja-raja Melayu kini Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan negeri-negeri sepatutnya hendaklah dirujuk. Beberapa peruntukan yang terdapat di dalam perlembagaan negeri-negeri di Malaysia kini masih menganggap Raja negeri masing-masing mempunyai kedaulatan dan kehebatan dalam negerinya. Kedaulatan tersebut juga dianggap telah sebatih dalam tubuh badan Raja yang memerintah.<sup>57</sup> Selain itu perlembagaan Persekutuan juga menjelaskan beberapa keistimewaan raja-raja di setiap negeri. Baginda raja dianggap telah mengambil keutamaan mengatasi segala orang lain dalam negerinya sendiri (berdaulat).<sup>58</sup> Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan juga menegaskan, kedaulatan yang ada pada raja-raja Melayu tidak boleh dihalang atau diganggu oleh sesiapa pun.<sup>59</sup> Peruntukan ini menunjukkan istilah daulat masih lagi digunapakai dalam institusi raja pada hari ini. Cuma ianya mungkin memberi maksud yang berbeza dengan penggunaannya di zaman masyarakat melayu tradisional suatu masa dahulu.

Konsep penghormatan khusus kepada raja yang memerintah masih lagi diamalkan dalam institusi raja di Malaysia. Misalnya gelaran Duli Yang Maha Mulia masih lagi digunakan kepada Yang di-Pertuan Agong, raja-raja dan Sultan yang memerintah di setiap negeri. Gelaran tersebut digunakan sematamata sebagai suatu penghormatan kepada raja yang sedang memerintah.

---

<sup>56</sup> Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, op. cit., 153-154 .

<sup>57</sup> Lihat, Article 28, Second Part, The Laws of The Constitution of Trengganu; Article XI, XII, Part II, The Laws of The Constitution of Perak; Article 32, The Laws of The Constitution of Perlis; Article 32, The Laws of The Constitution of Kedah.

<sup>58</sup> Perkara 70 (1) Perlembagaan Persekutuan.

<sup>59</sup> Perkara 181 (1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

*"Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, kedaulatan, hak kedaulatan, kuasa dan bidangkuasa Raja-raja dan hak kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa Pembesar-Pembesar Memerintah Negeri Sembilan dalam wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga sekarang adalah tetap tidak tersentuh".*

Walaupun sekadar penghormatan, banyak pandangan yang mencadangkan agar penggunaan istilah tersebut ditukarkan kepada istilah lain yang lebih sesuai. Alasannya istilah yang sedemikian boleh melahirkan amalan penghormatan yang agak berlebihan terhadap raja-raja dan penghormatan secara berlebihan itu bertentangan dengan konsep Islam. Ia merupakan nilai-nilai tradisional yang bukan berasaskan Islam. Ia berkemungkinan diwarisi dari budaya Hindu tua, tetapi pengamalannya masih diteruskan dalam institusi raja yang sudah menerima Islam.

Di antara pengaruh adat yang masih kuat diamalkan dalam institusi raja-raja Melayu ialah melantik raja secara warisan atau keturunan. Secara umumnya keseluruhan raja-raja di Malaysia kini dilantik berasaskan zuriat dan keturunan raja-raja yang sebelumnya. Ketetapan sedemikian telah termaktub di dalam semua perlembagaan negeri-negeri di Malaysia. Mengikut aturan biasa di semua negeri, apabila seseorang Raja atau Sultan mangkat, Baginda akan digantikan oleh anak sulung lelaki baginda yang masih hidup. Amalan sedemikian merupakan amalan tradisi yang diamalkan secara turun temurun sejak dahulu sampai sekarang. Ia bukannya suatu amalan yang bersumberkan ajaran Islam tetapi lebih merupakan undang-undang adat atau amalan tradisional yang telah dimasukkan ke dalam perlembagaan negeri-negeri.<sup>60</sup> Selain itu terdapat juga peraturan di setengah-setengah negeri yang membenarkan seseorang yang belum cukup umur untuk dilantik sebagai Raja secara sah dan dia tidak digolongkan ke dalam golongan orang-orang yang ada

---

<sup>60</sup> Perkara tersebut telah disenaraikan dalam jadual kelapan Perlembagaan Persekutuan yang dikira sebagai peruntukan-peruntukan yang mesti dimasukkan kedalam perlembagaan negeri-negeri di Malaysia. Peruntukan tersebut menjelaskan:

*"Peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengan mewarisi takhta Kerajaan dan kedudukan Pembesar-pembesar Memerintah dan pembesar-pembesar adat Melayu yang seumpamanya tidak boleh dipinda oleh Badan Perundangan Negeri".*

Peruntukan di atas secara jelas menyatakan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan menduduki takhta sebagai Raja dan bakal Raja yang akan menaiki takhta tidak boleh diubah oleh mana-mana pihak. Lihat Seksyen 19 (2) Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan. Perkara 71 (1) Perlembagaan Persekutuan juga ada menjelaskan:

*"...apa-apa pertikaian tentang hak untuk mewarisi sebagai Raja mana-mana Negeri hendaklah diputuskan hanya oleh mana-mana pihak berkuasa dan hanya mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Negeri itu."*

Ungkapan di atas secara tegas menjelaskan hak istimewa Raja-raja untuk mewarisi takhta dan memegang kuasa dalam sesebuah negeri adalah bergantung kepada ketetapan yang dibuat dalam perlembagaan negeri masing-masing.



kecacatan yang besar.<sup>61</sup> Amalan tersebut juga merupakan penerusan adat dan tradisi yang diamalkan sebelum ini.

Pengaruh pelbagai agama dan adat tradisi dalam institusi raja di Tanah Melayu tidak dihalang atau diganggu oleh kerajaan Inggeris yang menjajah Tanah Melayu sebelum ini. Bahkan di zaman penjajah Inggeris kedaulatan dan kedudukan raja-raja tidak disentuh, sebaliknya raja-raja diberi status kedudukan yang tinggi. Ini terbukti apabila Frank Swettenham telah memperkenalkan Majlis Persidangan Raja-raja Melayu yang lebih terkenal dengan istilah “*Durbar*” pada tahun 1897. Majlis ini berfungsi secara berterusan sehingga namanya telah diubah menjadi Majlis Raja-raja Melayu<sup>62</sup> apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Institusi Majlis Raja-raja Melayu masih berfungsi secara berterusan sehingga hari ini. Di antara fungsi utama Majlis Raja-raja Melayu ialah melantik Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara Malaysia.<sup>63</sup>

Pengaruh adat yang lain ialah raja-raja bagi setiap negeri diberi kuasa untuk memberikan keampunan, menanggung atau meringankan perkara-perkara yang berkaitan dengan apa-apa kesalahan yang dilakukan di dalam negeri masing-masing.<sup>64</sup> Kuasa untuk memberikan keampunan yang diberikan kepada raja-raja ini juga merupakan adat turun temurun yang diwarisi sejak zaman kesultanan Melaka lagi. Buktinya terdapat Undang-undang Melaka yang menjelaskan:

*Adapun syarat segala raja-raja itu atas empat perkara; pertama ampun, kedua murah, ketiga perkasa keempat melakukan hukumnya dengan kaharnya.*<sup>65</sup>

Teks di atas dengan jelas menyebutkan bahawa syarat pertama yang perlu ada pada diri seseorang raja ialah memberi keampunan kepada rakyatnya.

---

<sup>61</sup> Sekiranya seseorang yang belum cukup umur dilantik sebagai Raja, seorang Pemangku Raja atau satu badan yang dinamakan Jemaah pemangku Raja hendaklah dilantik bagi mengambil alih tugas-tugas yang akan dilaksanakan oleh Raja tersebut. Pemangku atau Jemaah Pemangku Raja itu hendaklah dilantik mengikut perlembagaan negeri masing-masing. Sekiranya seseorang itu dilantik menjadi Raja pada masa umurnya belum sampai dua puluh satu tahun Baginda dikira sebagai seorang Raja yang belum cukup umur. Lihat Article XIV (1), Part II, The Laws of The Constitution of Perak.

<sup>62</sup> Lihat perkara 38, Perlembagaan Persekutuan

<sup>63</sup> Ibid.

<sup>64</sup> Lihat, Article 44 (1), The Laws of The Constitution of Perlis; Article 42 (1), The Laws of The Constitution of Kedah; Article XXVIA (1), First Part, The Constitution of The State of Kelantan; Article XXVA (1), First Part, First Part, The Laws of The Constitution of Trengganu; Article 15 (1), Part II, The Constitution of The State of Pahang.

<sup>65</sup> Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, op. cit., 66.

Dengan itu raja-raja dianggap mempunyai kuasa untuk memberi keampunan kepada rakyat yang melakukan kesalahan.

Mengikut fahaman adat juga raja-raja dianggap sebagai pancuran kemuliaan, pancuran keadilan, pancuran rahmat dan pengawal adat-adat Melayu.<sup>66</sup> Oleh itu Raja boleh menganugerahkan pelbagai gelaran, pingat kemuliaan, pangkat-pangkat dan darjat kebesaran kepada orang lain.<sup>67</sup> Baginda juga berkuasa melantik waris atau waris-waris, Permaisuri atau Raja Perempuan, Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja. Begitu juga Baginda boleh melantik orang memegang pangkat, gelaran, kemuliaan dan kebesaran di sisi adat Melayu dan menetapkan tugas-tugas berkenaan dengannya. Begitu juga membuat peraturan-peraturan mengenai balai-balai diraja, istana-istana dan lain-lain.<sup>68</sup> Oleh itu di antara perkara-perkara yang tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak ialah penganugerahan pangkat-pangkat kebesaran, termasuklah juga menubuh, mengatur, menetapkan dan melucutkan pangkat-pangkat mengikut adat Melayu.

Suatu keistimewaan yang ada pada raja-raja Melayu ialah semua isi perlembagaan negeri yang ada hubungan dengan institusi dan diri Raja sebagaimana yang dijelaskan hanya boleh dipinda oleh Baginda Raja setelah berbincang dengan sesebuah institusi yang menjadi penasihat kepada Baginda. Ianya tidak boleh dipinda dengan sebarang cara yang lain. Setiap Negeri mempunyai badan khas atau Majlis masing-masing yang berfungsi sebagai penasihat, penolong Raja, menguruskan dan membantu Raja masing-masing dalam menjalankan kewajibannya. Di negeri Johor, Terengganu dan Pahang ianya dinamakan Juma'ah Pangkuan Negeri. Dalam bahasa Inggeris ia diistilahkan sebagai *Supporters of the Country*<sup>69</sup> dinegeri Johor dan *The Supporters of the state* bagi negeri Terengganu<sup>70</sup> dan Pahang.<sup>71</sup> Di Perak ia dinamakan sebagai Dewan Negara.<sup>72</sup> Di Kedah dan Perlis dinamakan Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja (*Council of Succession*).<sup>73</sup> Di Kelantan ianya dinamakan Majlis Perajaan Negeri (*Council of Succession*).<sup>74</sup> Di Selangor

---

<sup>66</sup> Article X, Part II, The Laws of The Constitution of Perak.

<sup>67</sup> Lihat, Article 29, Second Part, The Laws of The Constitution of Trengganu; Article XXV, Part II, The Laws of The Constitution of Perak; Article 33, The Laws of The Constitution of Perlis; Article 32, The Laws of The Constitution of Kedah.

<sup>68</sup> Seksyen 1 (2) Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan.

<sup>69</sup> Article I, First Part, The Laws of The Constitution of Johore.

<sup>70</sup> Article XIX, Second Part, The Laws of The Constitution of Trengganu.

<sup>71</sup> Article 25, Part I, The Constitution of The State of Pahang.

<sup>72</sup> Article LVII, Part II, The Laws of The Constitution of Perak.

<sup>73</sup> Lihat Article 10, The Laws of The Constitution of Perlis; Article 8, The Laws of The Constitution of Kedah.

<sup>74</sup> Article V, Second Part, The Constitution of The State of Kelantan.

dinamakan Dewan Diraja.<sup>75</sup> Di Negeri Sembilan dinamakan Dewan Ke'adilan dan Undang (*The Council of The Yang Dipertuan Besar And The Rulling Chiefs*).<sup>76</sup>

### **Pengaruh Islam Dalam Institusi Raja-raja Melayu Kini**

Kajian ini mendapati sebahagian dari amalan yang terdapat di dalam institusi Raja-raja Melayu telah dipengaruhi oleh ajaran yang dibawa oleh Islam. Dalam sejarah kerajaan Melayu Melaka raja-raja dianggap sebagai utusan Tuhan di dunia ini. Pelbagai gelaran telah diberikan kepada raja Islam. Di antaranya ialah *zallulLah fi al-'alam*, *zallulLah fi al-ard* dan *khalifah al-Mu'minin*. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini *Risalat Hukum Kanun Melaka* memberi gelaran *khalifah al-Mu'minin zallulLah fi al-'alam*<sup>77</sup> kepada raja-raja yang memerintah negeri Melaka. Bukti lain yang menunjukkan raja-raja Melayu Melaka dihubungkan dengan Allah dan Rasulullah ialah kata-kata Bendahara Tun Perak bahawa *raja yang adil itu dengan Nabi s. 'a.w. umpama dua buah permata pada sebetuk cincin*".<sup>78</sup> Kata-kata tersebut menggambarkan bahawa raja-raja pada zaman itu telah bertindak sebagai pemimpin agama dan berpegang dengan hukum dan syari'ah Islam. Dalam sejarah perkembangan politik Tanah Melayu didapati Raja-raja Melayu terdahulu dianggap sebagai pemilik kerajaan yang bertanggungjawab mempertahankan imej Islam dan mengamalkan undang-undang berasaskan syari'ah Allah s.w.t. Masyarakat Melayu tradisional menganggap raja adalah ketua negara yang dapat menjamin kedamaian, kemakmuran dan kegemilangan dengan melaksanakan titah perintah Allah kerana raja sendiri adalah utusan Tuhan di dunia ini.

Mengikut apa yang tercatat di dalam Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong diberi peluang untuk membantu perlaksanaan nilai-nilai Islam dalam parlimen Malaysia. Misalnya, semua undang-undang yang ingin dilaksanakan di peringkat Persekutuan mestilah terlebih dahulu diperkenankan dan diluluskan oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong.<sup>79</sup> Baginda mempunyai kuasa untuk meluluskan undang-undang yang telah dipersetujui oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Baginda juga diberi masa selama tiga puluh hari untuk memperkenan dan meluluskan rang undang-undang tersebut.<sup>80</sup> Di sinilah Baginda mempunyai peluang untuk memberikan teguran terhadap sesuatu draf undang-undang agar ianya selaras dengan tuntutan Islam sebelum

---

<sup>75</sup> Article XXIII, The Laws of The Constitution of Selangor 1959.

<sup>76</sup> Article XVI (1), The Laws of The Constitution of Negeri Sembilan.

<sup>77</sup> Microfiche 15 (LUB D393/1 K1.45), *Risalat Hukum Kanun Melaka*, op. cit., 2.

<sup>78</sup> W.G. Shellabear (ed.), op. cit., 224.

<sup>79</sup> Perkara 66, Perlembagaan Persekutuan.

<sup>80</sup> Perkara 66 (4) Perlembagaan Persekutuan

ianya disahkan sebagai undang-undang. Selepas baginda mengesahkannya barulah sesuatu Rang Undang-undang itu secara rasmi menjadi undang-undang.<sup>81</sup>

Raja-raja Melayu juga mempunyai peranan yang sangat besar iaitu sebagai Ketua agama Islam bagi negeri masing-masing. Raja-raja sepatutnya menggunakan peluang tersebut untuk melaksanakan segala tuntutan yang sepatutnya baginda lakukan mengikut hukum syara'. Begitu juga dengan hak-hak keistimewaan yang diberikan kepada raja-raja boleh digunakan untuk membantu mendaulatkan syari'ah Islam di negara ini. Semasa memperkenankan sesuatu undang-undang baginda hendaklah sedaya upaya mengambil peluang untuk mendaulatkan hukum-hukum Allah s.w.t. Nilai-nilai Islam boleh dilaksanakan sedikit demi sedikit sekadar kemampuan yang ada.

Raja-raja di setiap negeri boleh memerintahkan agar diadakan berbagai-bagai peraturan yang berkaitan dengan agama. Baginda ada kuasa memerintahkan agar setiap negeri menubuhkan sebuah Majlis Agama Islam agar menjadi penasihat kepada Baginda terhadap perkara-perkara yang ada kaitannya dengan hukum hakam agama dan adat istiadat Melayu.<sup>82</sup> Namun demikian semasa menjalankan tindakan sebagai ketua agama negeri, Baginda terpaksa mematuhi kehendak-kehendak Perlembagaan Persekutuan dan pada masa tertentu hendaklah menyerahkan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong bagi mewakilinya dalam beberapa perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Sekiranya Baginda sendiri dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong, Baginda Raja tetap bertanggungjawab sebagai ketua agama bagi negeri masing-masing.<sup>83</sup>

Selain itu semua perlembagaan negeri-negeri yang mempunyai raja memperuntukkan bahawa pemerintah bagi negeri masing-masing hendaklah seorang raja yang mesti dilantik dari golongan lelaki yang beragama Islam.<sup>84</sup> Bahkan didapati Perlembagaan Negeri Perak secara khusus mensyaratkan raja tersebut mestilah beragama Islam dan berpegang kepada mazhab *Syafi'i*.<sup>85</sup> Manakala Perlembagaan Negeri Kelantan, Kedah dan Perlis pula mensyaratkan rajanya mestilah beragama Islam dan berpegang kepada mazhab

---

<sup>81</sup> Perkara 66 seksyen 4 dan 5, Perlembagaan Persekutuan.

<sup>82</sup> Article VI, Second Part, The Laws of The Constitution of Trengganu.

<sup>83</sup> Perkara 34 (1), Perlembagaan Persekutuan.

<sup>84</sup> Article II, First Part, The Laws of The Constitution of Johore; Article V, Second Part, The Laws of The Constitution of Trengganu; Article 3, Part I, The Constitution of The State of Pahang; Article V, The Laws of The Constitution of Selangor 1959; Article V, Part II, The Laws of The Constitution of Perak; Article VII (3), The Laws of The Constitution of Negeri Sembilan.

<sup>85</sup> Article V, Part II, The Laws of The Constitution of Perak.

*ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.<sup>86</sup> Peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam perlembagaan negeri-negeri berkenaan membuktikan bahawa pengaruh Islam telah lama bertapak dalam institusi Raja-raja Melayu.

Semua perlembagaan negeri-negeri di Malaysia membenarkan seseorang yang bukan keturunan Raja dilantik memegang takhta sebagai Raja. Kebenaran sedemikian diberikan jika tidak ada langsung pewaris tahta yang layak dilantik berasaskan keturunan. Dalam keadaan sedemikian orang biasa yang bukan keturunan Raja yang akan dilantik mestilah memenuhi beberapa syarat yang bersesuaian dengan kaedah hukum Islam. Sekurang-kurangnya orang tersebut mestilah seorang Lelaki yang cukup umur, sempurna akal, tidak ada apa-apa kecacatan yang besar, beragama Islam, berbangsa Melayu dan merupakan rakyat kepada Raja negeri yang berkenaan sebelum itu. Dia mestilah dari keturunan yang baik dan diakui telah diperanakkan dengan jalan yang halal, mampu membaca dan menulis dengan sendiri, serta mestilah mempunyai tingkah laku yang baik dan terpuji.<sup>87</sup> Peruntukan ini nampaknya banyak terpengaruh dengan syarat-syarat pelantikan ketua negara mengikut perspektif Islam. Alangkah baiknya jika syarat-syarat sedemikian dikenakan kepada semua calon-calon yang akan dilantik menjadi Raja atau Sultan di setiap negeri dalam negara ini.

Perlembagaan negeri Johor dan Terengganu ada menyenaraikan beberapa sifat kekurangan yang menyebabkan seseorang itu tidak layak untuk dilantik menjadi raja. Seseorang itu tidak layak dan tidak boleh dilantik sebagai Raja jika sekiranya dia mempunyai sesuatu cacat yang besar dan berat yang tidak melayakkan dia menjadi Raja seperti gila, buta, bisu atau mempunyai sesuatu sifat yang keji yang kerananya ia tidak diluluskan oleh hukum syarak menjadi seorang Raja pemerintah.<sup>88</sup> Syarat-syarat ini bersesuaian dengan

---

<sup>86</sup> Article XV, Second Part, The Constitution of The State of Kelantan; Article 17, The Laws of The Constitution of Kedah; Article 19, The Laws of The Constitution of Perlis.

<sup>87</sup> Lihat, Article IX, Second Part, The Laws of The Constitution of Trengganu; Article IX (1), Part II, The Laws of The Constitution of Perak; Article 14 (1), The Laws of The Constitution of Perlis; Article 12 (1), The Laws of The Constitution of Kedah; Article XVIII (1), Second Part, The Constitution of The State of Kelantan; Article 6 (1), Part I, The Constitution of The State of Pahang; Article VIII (1), The Laws of The Constitution of Selangor 1959; Article V, First Part, The Laws of The Constitution of Johore.

<sup>88</sup> Lihat, Article VI (2), Second Part, The Laws of The Constitution of Trengganu; Article VII, Part II, The Laws of The Constitution of Perak; Article 13 (2), The Laws of The Constitution of Perlis; Article 11 (2), The Laws of The Constitution of Kedah; Article VIII (2), Second Part, The Constitution of The State of Kelantan; Article 4, Part I, The Constitution of The State of Pahang; Article VI (2), The Laws of The Constitution of Selangor 1959; Article X (1), The Laws of The Constitution of Negeri Sembilan; Article III (3), First Part, The Laws of The Constitution of Johore.

konsep Islam dan peruntukan tersebut sebaik-baiknya dimasukkan atau dikekalkan dalam semua perlembagaan negeri-negeri di Malaysia.

Konsep *Raja Mutlak* atau *Raja Berdaulat* berasaskan nilai-nilai tradisi yang diamalkan secara meluas di Tanah Melayu pada zaman dahulu sudah tidak diamalkan lagi di Malaysia hari ini. Ianya telah bertukar kepada sistem *Raja Berpelembagaan*.<sup>89</sup> Walaupun pengaruh institusi Raja-raja dahulu masih ada dalam sistem politik di Malaysia sehingga kini, peranannya sudah jauh berbeza. Fungsi utama raja-raja hari ini ialah sebagai simbol kebangsaan, kesatuan dan kebersamaan.<sup>90</sup> Itulah matlamat utama sistem pemerintahan Persekutuan yang diamalkan di Malaysia. Sistem Persekutuan yang diamalkan oleh negara Malaysia tidak menggugat kedudukan dan kuasa Raja-raja Melayu. Bahkan sistem tersebut terus menjamin kedudukan dan hak Raja-raja Melayu di negeri masing-masing. Sebab itu Raja-raja Melayu masih mempunyai banyak peluang untuk menggunakan kuasa-kuasa yang ada bagi mendaulatkan syari'ah Islam.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya kajian ini mendapati bahawa negara Malaysia masih lagi mengamalkan sistem pemerintahan beraja. Namun demikian sistem pemerintahan *Raja Mutlak* atau *Raja Berdaulat* yang pernah diamalkan di Tanah Melayu pada zaman dahulu telah bertukar kepada sistem *Raja Berpelembagaan*. Institusi raja-raja Melayu sebelum ini pernah dipengaruhi oleh nilai-nilai yang datang dari agama Hindu, Buddha, animisme dan pelbagai adat serta budaya setempat. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu dan penerimaan agama Islam oleh raja-raja Melayu tidak dapat menghapuskan keseluruhan amalan yang diwarisi dari pelbagai agama dan budaya tempatan. Sebahagian darinya didapati bercanggah dengan hukum Islam manakala sebahagian yang lain didapati tidak bercanggah dengan hukum Islam. Oleh yang demikian tindakan sewajarnya perlu diambil bagi menjernihkan keadaan. Segala nilai-nilai baik yang selaras dengan kehendak hukum Islam bolehlah terus diamalkan dan mana-mana amalan yang bercanggah dengan hukum Islam patutlah ditinggalkan.

### **Rujukan**

- A. Schimmel, *Mystical Dimensions of Islam*, (Chapel Hill, 1975).  
A.C. Milner, *Islam And Malay Kingship*. Dalam Ahmad Ibrahim, Sharon Siddique dan Yasmin Hussain, *Reading On Islam In Southeast Asia*, (Singapore: Institute Of Southeast Asian Studies, 1985).

---

<sup>89</sup> Grolier Incorporated, op. cit., 453.

<sup>90</sup> Ibid., 80.

- A.H. Hill (ed.), *“Hikayat Raja-raja Pasai”*. A revised romanised version of Raffles MS 67, together with an English translation. Dalam ***Journal of The Malayan Branch of The Royal Asiatic Society*** (selepas ini disebut ***JMBRAS***), vol. XXXIII, (Singapore: Malaya Publishing House Limited, 1960).
- A.L. Basham, ***The Wonder that was India, London, 1954; G.Coedes, The Indianised States of Southeast Asia***, (Honolulu, 1968).
- Al-Marbawi, Muhammad Idris ‘Abd al-Rauf, ***Qamus Idris al-Marbawi***, cet. ke 4, (Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi Wa Awladuh, t.t.).
- Anzagain Sdn. Bhd., ***Ensiklopedia Malaysiana***, j. II, (Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd., 1995).
- C.C. Brown, ***Sejarah Melayu of Malay Annals***, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976).
- C.H. Wake, *Malacca’s Early Kings And The Reception of Islam*, ***Journal of South-East Asian History***, (1964).
- R.J. Wilkinson, *The Malay Sultanate*. Dalam ***Wilkinson’s Papers On Malays Subjects***, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971).
- Dr. Syed Nuguid al-Attas, ***Preliminary Statement on General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesians Archipelago***, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969).
- Syed Muhammad Naguib al-Attas, ***Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu***, (Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972).
- Grolier International, ***Grolier Academic Encyclopedia***, j. XII, (USA: Grolier International, 1983).
- Grolier Incorporated, ***The Encyclopedia Americana*** (International Edition), (Connecticut: Grolier Incorporated, 1984).
- Hashim Ismail, *Bustan Al-Salatin: Persoalan Kedaulatan Raja*. Dalam ***Seminar Warisan Persuratan Johor II 1997***, (Johor Bahru: Kerajaan Negeri Johor, 1997).
- J.M. Gullick, ***Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat***, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970).
- J.S. Badadu, Prof. Dr., dan Sutan Mohammad Zain, Prof., ***Kamus Umum Bahasa Indonesia***, (Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, 1994).
- Kobkua Suwannathat ~ Pian, ***Asia Tenggara, Hubungan Tradisional Serantau***, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997).
- Lembaga Penyelidikan Undang-undang, ***Perlembagaan Persekutuan*** (mengandungi semua pindaan terkini), Kuala Lumpur: International Law Book Services.

- Liaw Yock Fang, ***Undang-undang Melaka (The Laws Of Melaka)***, (Netherlands: The Hague - Martinus Nijhoff, 1976).
- Liaw Yock Fang, ***Undang-undang Melaka (The Laws Of Melaka)***, (Netherlands: The Hague - Martinus Nijhoff, 1976).
- M.A.P. Meilink-Roelofs, *Trade And Islam In The Malay-Indonesian Archipelago*. Dalam D.S. Richards (ed.), ***Islam And The Trade of Asia***, (Oxford, 1970).
- Microfiche 15 (LUB D393/1 K1.45), ***Risalat Hukum Kanun Melaka***, (Kuala Lumpur: Perpustakaan Utama Universiti Malaya). Risalat ini ditulis dengan menggunakan tulisan jawi.
- Mohammad Yusoff Hashim, *Daulat Dalam Tradisi Budaya dan Politik Kesultanan Melayu Abad ke 15 dan Awal Abad ke 16: Antara Mitos dan Realiti*. Dalam ***Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya, No. 3/1994-1995***, (Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, 1995).
- Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, *Islam, Kepimpinan dan nilai-nilai hidup dalam masyarakat Melayu Tradisional*. Dalam Khoo Kay Kim dan lain-lain (ed.), ***Tamadun Islam Di Malaysia***, (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia).
- Paul Wheatley, ***Impressions of The Malay Peninsular in Ancient Times***, (Singapore: Eastern University Press, 1964).
- PH. S. Van Ronkel (ed.), ***Adat Radja Radja Melajoe***, (Leiden: N.V. Boekhandel En Drukkerij Voorheen E. J. Brill, 1929).
- PH. S. Van Ronkel (ed.), ***Risalat Hoekoem Kanoen Jaitoe Oendang-oendang Melaka***, (Leiden: Boekhandel En Drukkerij Voorheen E. J. Brill, 1919).
- R.O. Winsted, *Kingship And Enthronement In Malaya, JMBRAS*, vol. XX, part I, (Singapore: Malay Publishing House Limited, 1947).
- S.Q. Fatimi, ***Islam Comes to Malaysia***, (Singapore: Malaya Publishing House Ltd, 1963).
- Sa'ad Shukri Haji Muda, ***Detik-detik Sejarah Kelantan***, (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1971).
- Sejarah Melayu/The Malay Annals, MS. Raffles No. 18***, disusun oleh Cheah Boon Kheng, terjemahan oleh Abdul Rahman Haji Ismail, (The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, t.tp., 1998).
- State of Johor, ***The Laws of The Constitution of Johore*** (First Part And Second Part), Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan t.t.
- State of Negeri Sembilan, ***The Laws of The Constitution of Negeri Sembilan***, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan t.t.



- State of Perak, ***The Laws of The Constitution of Perak*** (Part I And Part II), Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan t.t.
- State of Selangor, ***The Laws of The Constitution of Selangor 1959***, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan t.t.
- State of Kedah, ***The Laws of The Constitution of Kedah***, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan t.t.
- State of Kelantan, ***The Constitution of The State of Kelantan*** (First Part And Second Part), Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan t.t.
- State of Pahang, ***The Constitution of The State of Pahang*** (Part I And Part II), Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan t.t.
- State of Perlis, ***The Laws of The Constitution of Perlis***, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan t.t.
- State of Trengganu, ***The Laws of The Constitution of Trengganu*** (First Part And Second Part), Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan t.t.
- Virginia Matheson, *Concepts of State In The Tuhfat al-Nafis*. Dalam Anthony Reid and Lance Castles (eds), ***Monograf of The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, No. 6, Pre-Colonial State Systems in Southeast Asia***, (Kuala Lumpur: Perchetakan Mas Sdn. Bhd. 1975).
- W.G Shellabear (ed.), ***Sejarah Melayu (Edisi Jawi)***, (Singapura: Malay Publishing, House Limited, 1896).
- W.W. Shaw dan Mohd. Kassim Haji Ali, ***Coin of North Malaya***, (Kuala Lumpur, 1971).
- W.W. Shaw dan Mohd. Kassim Haji Ali, ***Malacca Coins***, (Kuala Lumpur, 1970).
- Zubir Usman, Drs., *Melaka: Pusat Perkembangan Islam di Tenggara Asia*. Dalam Khoo Kay Kim (ed.), ***Melaka dan sejarahnya***, (Melaka: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka, 1982).